

524:
BIASISWA

1975

189
11

KUALA LUMPUR, 18 OKTOBER (BERNAMA) -- SEPULUH ORANG PENUNTUT HARI INI MENERIMA BIASISWA UNTUK MENUNTUT DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI DI NEGERI INI DARI OVERSEAS-CHINESE BANKING CORPORATION.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENYERAHKAN BIASISWA-BIASISWA YANG TIDAK TERIKAT ITU KEPADA PENUNTUT-PENUNTUT BERKENAAN DI SATU UPACARA DI PEJABATNYA DI SINI.

MEREKA YANG MENERIMANYA IALAH ABDUL AZIZ AHMAD, OTHMAN HASHIM, SAARY ISMAIL, ZAKARIA YAKOB, YONG FARIDAH OMAR, ZAKARIAH HAJI MUNJI, BIBAH ABDUL RAHMAN, JAMALLIAH RAHMAT, SUHAIMI ABIDIN DAN WAN AINOL ZILAN ABDUL RAHMAN.

TIAP-TIAP BIASISWA ITU BERNILAI \$2,500 SETAHUN UNTUK MEREKA MELANJUTKAN PELAJARAN DI UNIVERSITI MALAYA, UNIVERSITI KEBANGSAAN DAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA UNTUK KURSUS SARJANA MUDA. --
BERSAMBUNG 1252/LK

525:
BIASISWA 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERHARAP LAIN-LAIN BANK DAN PERUSAHAAN AKAN MENGIKUTI JEJAK LANGKAH OCBC MEMBANTU MEMPERIMBANGKAN KEDUDUKAN BUMIPUTRA DALAM BEBERAPA SEKTOR.

TAMBAHNYA, WALAUPUN BILANGAN ORANG-ORANG MELAYU DALAM URUSAN BANK TELAH MENINGKAT TETAPI JUMLAHNYA MASIH BELUM MENCUKUPI.

KEISTIMEWAAN BIASISWA INI IALAH PEMEGANGNYA TIDAK TERIKAT UNTUK BEKERJA DENGAN OCBC SELEPAS MENERIMA IJAZAH NANTI DAN INI MENUNJUKAN SIKAP YANG LIBERAL OLEH BANK ITU, KATANYA.

PENOLONG PENGURUS OCBC, ENCIK GOH SIN TUB BERKATA, SEKIM BIASISWA INI IALAH MENGGALAKAN BUMIPUTRA UNTUK MENCEBURKAN DIRI DALAM BIDANG URUSAN BANK, KEWANGAN DAN PERNIAGAAN.

TAMBAHNYA, WALAUPUN BANK ITU TIDAK MEWAJIBKAN PEMEGANG-PEMEGANG BIASISWA BEKERJA DENGAN OCBC TETAPI DIHARAP MEREKA AKAN DAPAT BERKHIDMAT DENGAN BANK ITU UNTUK MEMPERIMBANGKAN KEDUDUKAN PEGAWAI-PEGAWAI DARI SEMUA KAUM. --BERNAMA 1255/LK